



Harian Metro

24/03/2010

Page: 33

Section: Business & Finance

Region: Malaysia Circulation: 336603

Type: Malaysia - Malay Newspapers

Size: 58.00 sq.cms

Frequency: MTWTFS

CIMB-Principal sasar urus aset RM30 bilion

CIMB-Principal Asset Management Berhad yakin jumlah aset dalam pengurusannya akan mencecah RM30 bilion menjelang akhir tahun, meningkat berbanding RM22.1 bilion yang dicatatkan tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, J Campbell Tupling, berkata syarikat itu yakin mampu mencapai unjuran itu berdasarkan sentimen pasaran yang meningkat dan persekitaran ekonomi dunia yang dijangka terus pulih.

Beliau berkata, berdasarkan keadaan itu, pihaknya menjangka lebih banyak produk baru akan diperkenalkan CIMB-Principal dengan kebanyakannya direka khusus sebagai maklum balas kepada keperluan pelanggan.

“Permintaan pelabur institusi dan runcit dijangka terus meningkat dan kami yakin unjuran itu dapat dicapai,” katanya selepas melancarkan CIMB-Principal Australian Equity Fund di Kuala Lumpur, semalam.